

## **SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH UNIVERSITI**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PENDIDIKAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**  
**GRED JAWATAN/GAJI** : **DS51, DS53, Gred Khas C**  
**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**

### **SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan  
**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS51**
  - (c) (i) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan  
(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DS51: RM5,855.00)  
**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS53 (PROFESOR MADYA)**
  - (d) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);  
dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik dan khidmat masyarakat yang sangat istimewa mutunya; dan  
(iii) mempunyai 10 penerbitan (7 berindeks); dan  
(iv) menyelesaikan dua (2) Geran @ RM50k; dan  
(v) bertanggungjawab menyelia dua (2) orang pelajar Sarjana dan satu (1) orang PhD; dan  
(vi) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DS53: RM6,162.00)  
**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)**
  - (e) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);  
dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik dan khidmat masyarakat yang terkemuka mutunya; dan  
(iii) mempunyai 20 penerbitan (14 berindeks); dan  
(iv) menyelesaikan empat (4) Geran @ RM150k; dan  
(v) bertanggungjawab menyelia empat (4) orang pelajar Sarjana dan tiga (3) orang PhD; dan  
(vi) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,676.00)

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

### **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

### **TEMPOH PERCUBAAN**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA**

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:  
(a) memenuhi tempoh percubaan;  
(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan;  
dan  
(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.